



SIARAN MEDIA
JABATAN TENAGA ATOM
KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

MOSTI PERKUKUH SISTEM AMARAN AWAL SINARAN
DI PERAIRAN NEGARA

LANGKAWI, 10 SEPTEMBER 2026 – YB Datuk Chang Lih Kang, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi telah mengadakan lawatan kerja ke lokasi *Gamma Spectrum Water Monitoring Station* (GSWMS) di Langkawi bagi meninjau pelaksanaan operasi sistem amaran awal sinaran (*radiation*) di perairan negara.

Menurut beliau, keupayaan pemantauan masa nyata ini penting bagi memastikan sebarang perubahan luar biasa pada tahap sinaran dapat dikenal pasti dengan lebih awal, sekali gus membolehkan tindakan susulan dilaksanakan dengan lebih pantas bagi melindungi keselamatan rakyat dan alam sekitar.

“Dalam aspek keselamatan sinaran, keupayaan untuk mendapatkan data sendiri secara berterusan amat penting. Kita mahu Malaysia mempunyai sistem pemantauan yang kukuh dan keupayaan untuk mengesan sebarang anomali dengan cepat, khususnya melibatkan risiko sinaran yang boleh merentasi sempadan,” katanya.

GSWMS merupakan sistem pemantauan masa nyata yang berupaya mengesan dan mengukur tahap sinaran gama di perairan serta berupaya mengenal pasti isotop radioaktif secara berterusan. Lawatan ini turut memberi tumpuan kepada keupayaan operasi sistem amaran awal dalam mengesan pencemaran radioaktif dan ancaman rentas sempadan, selain memastikan data pemantauan perairan negara tersedia secara berterusan (24/7) tanpa kebergantungan kepada sumber luaran.

Stesen GSWMS Pulau Langkawi yang terletak di Jeti Jabatan Kastam Diraja Malaysia merupakan salah satu daripada empat stesen baharu yang dibangunkan bagi memantapkan rangkaian pemantauan sinaran di perairan Malaysia dan kesiapsiagaan negara. Tiga lagi stesen terletak di Taman Laut Pulau Tioman, Pahang; Taman Laut Pulau Perhentian, Terengganu; dan Jeti Pelabuhan Bintulu, Sarawak. Jumlah kos pemasangan empat (4) unit GSWMS tersebut adalah RM 2,646,600.00.

Selain itu, kejayaan projek GSWMS ini adalah hasil kerjasama strategik Jabatan Tenaga Atom dengan Jabatan Kastam Diraja Malaysia, Jabatan Perikanan Malaysia dan Pihak Berkuasa Pelabuhan Bintulu, Sarawak. Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) amat menghargai kerjasama inter-agensi dan berharap ia dapat terus diperkukuh pada masa hadapan.

Turut hadir dalam lawatan kerja ini ialah YBhg. Datin Safida Zalma binti Mohd Piah, Timbalan Ketua Setiausaha (Perancangan dan Pembudayaan Sains), MOSTI; YBrs. Puan Hajah Noraishah binti Pungut, Ketua Pengarah Jabatan Tenaga Atom; Encik Mohd Zulhasmi bin Jamaludin, Setiausaha Bahagian Pembangunan MOSTI dan Encik Mohd Irwan Effendi bin Mohd Nordin, Pengarah Bahagian Sokongan Teknikal, Jabatan Tenaga Atom serta agensi yang terlibat.

Orang ramai boleh mengakses maklumat tahap sinaran di daratan dan perairan negara melalui laman sesawang **Atom Malaysia** (<https://erms.atom.gov.my>) dan www.mosti.gov.my.

#TAMAT#

Dikeluarkan oleh:

JABATAN TENAGA ATOM
10 SEPTEMBER 2026



JABATAN TENAGA ATOM (Atom Malaysia)

Pengawalan ke atas penggunaan benda-benda radioaktif telah dijalankan sejak tahun 1968 lagi apabila Parlimen meluluskan Akta Benda-benda Radioaktif 1968. Memandangkan perkembangan aktiviti tenaga atom yang pesat di Malaysia, kawalan yang lebih berkesan diperlukan. Pada April 1984, Parlimen telah meluluskan Akta Perlesenan Tenaga Atom 1984 [Akta 304]. Seterusnya Lembaga Perlesenan Tenaga Atom telah ditubuhkan pada 1 Februari 1985 dan diletakkan di bawah Jabatan Perdana Menteri.

Pada 27 Oktober 1990, jabatan ini telah ditempatkan di bawah Kementerian, Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI). Seterusnya pada 9 Jun 2022, agensi ini telah dinamakan sebagai Jabatan Tenaga Atom (Atom Malaysia).

Atom Malaysia adalah sebuah badan penguatkuasa yang bertanggungjawab bagi mengawal dan mengawalselia Akta Tenaga Atom 1984 [Akta 304] dan perundangan-perundangan subsidiari di bawahnya. Tujuannya adalah bagi memastikan semua aktiviti yang melibatkan penggunaan tenaga atom dikendalikan dengan selamat tanpa membahayakan pekerja, orang awam, harta benda dan alam sekitar.

OBJEKTIF

Untuk memastikan penggunaan tenaga atom adalah selamat, terjamin dan dikawal guna demi melindungi masyarakat, pekerja dan alam sekitar.

FUNGSI

Fungsi-fungsi Atom Malaysia adalah seperti berikut:

1. Mengawal selia serta mengawasi aktiviti penggunaan tenaga atom dan perkara-perkara yang bersampingan dengannya;
2. Menubuhkan, menyenggara dan mengembangkan kerjasama saintifik dengan mana-mana badan, institusi atau organisasi di peringkat kebangsaan dan antarabangsa berhubung dengan perkara-perkara nuklear atau tenaga atom, sebagaimana difikirkan sesuai oleh Ketua Pengarah bagi maksud Akta Tenaga Atom 1984; dan
3. Melaksanakan atau memperuntukkan bagi pelaksanaan obligasi yang terbit daripada mana-mana perjanjian, konvensyen atau triti antarabangsa berkaitan perkara-perkara nuklear atau tenaga atom yang mana Malaysia menjadi suatu pihak, sebagaimana diarahkan oleh Kerajaan Malaysia dan selaras dengan maksud Akta Tenaga Atom 1984.